

INSTITUT ALAM TAMADUN MELAYU (ATMA)

ATMA Memperkasa
Penyelidikan Alam Melayu

TENTANG **ATMA**

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) bermula sebagai Institut Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 1972.

Tujuan penubuhan ATMA ialah untuk menawarkan program pengajian pascasiswazah, iaitu Sarjana Persuratan dan Doktor Falsafah, menjalankan penyelidikan dalam Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, dan menjadi pusat rujukan bidang-bidang tersebut.

Penukaran nama IBKKM kepada ATMA pada tahun 1992 telah meluaskan kajian Alam dan Tamadun Melayu dengan penambahan beberapa bidang tujahan baru.

Semenjak penubuhannya, ATMA berpandukan takrifan yang luas tentang Alam dan Tamadun Melayu yang mencakupi aspek kerohanian dan falsafah, ilmu dan pemikiran, adab dan kesantunan, budaya material, dan semua aspek kehidupan dalam kosmologi Melayu. Hamparan Alam Melayu yang luas terbentang itu meliputi tanah, samudera dan angkasa dan dipayungi oleh Akal dan Budi Melayu.

Untuk menyahut cabaran global, ATMA menampilkan tamadun Melayu sebagai peradaban yang berdaya saing, dinamik, inovatif, dan pada masa yang sama santun dan peka terhadap agama dan tradisi leluhur.

MISI **ATMA**

Menjadi institut terpilih yang memartabatkan bahasa dan tamadun Melayu serta mensejagatkan ilmu ketamadunan yang beracuan budaya kebangsaan berteraskan budaya Melayu.

VISI **ATMA**

ATMA bertekad untuk menjadi institut terulung yang menjadi pelopor inovasi dalam pembinaan ilmu pengetahuan tentang Alam dan Tamadun Melayu bagi mencapai aspirasi membentuk sebuah masyarakat bertamadun yang dinamik, berakhlak, berilmu, berkepimpinan dan berminda global.

MATLAMAT

Memperkukuh pengajian Peradaban dan Pemikiran Melayu. Mengantarabangsakan pengajian Alam dan Tamadun Melayu sebagai penyumbang utama Peradaban Dunia dan Asia Tenggara

BIDANG TUJAHAN **PENYELIDIKAN**



Bahasa, Linguistik dan
Persuratan Alam Melayu



Falsafah dan Epistemologi
Alam Melayu



Arkeologi, Sejarah dan
Budaya Alam Melayu



Sains Teknologi
Alam Melayu

PROSES PENGAJIAN **PELAJAR**




PERKHIDMATAN & KEMUDAHAN



Kursus Intensif Keterampilan
Bahasa Melayu (KIKBM)



Jurnal Antarabangsa Alam &
Tamadun Melayu



Jurnal Alam Sekitar, Sejarah &
Warisan Asia



Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam
Melayu (PPMAM)



Perpustakaan



Bilik
Penyelidikan



Bilik
Siswazah



Bilik
wacana



Dewan
Kuliah



Istana Puteri
Bongsu

**Maklumat
Lanjut**



Pakar Penyelidik



Brosur ATMA



Brosur Siswazah



KIKBM



Jurnal ATMA



Jurnal AJEHH



Laman Web:
www.ukm.my/atma



Facebook:
InstitutAlamDanTamadunMelayu



Instagram:
atma_ukm



Youtube:
Institut Alam dan Tamadun Melayu
UKM



Portal Ilmu:
<http://malaycivilization.com.my>

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM, Bangi
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: 603 8921 5280
Faks: 603 8925 4698
E-mel: pghatma@ukm.edu.my